

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam 1100, Ahad, 29 Mei 2022



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PELANCARAN PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL DUN DAN PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020: DAERAH PENTADBIRAN

#### Data Banci Membentuk Masa Depan Daerah Dan Dewan Undangan Negeri

**JELI, 29 Mei 2022** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengucapkan terima kasih atas penyempurnaan Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN dan Penerbitan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran di Maktab Rendah Sains MARA Jeli, Kelantan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Hadir ke majlis ini ialah Yang Berhormat Dato' Haji Abdullah bin Ya'kub, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Kelantan yang mewakili YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan.

Laporan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Ismail bin Sabri, Perdana Menteri pada 14 Februari 2022 meliputi statistik utama di peringkat Malaysia dan Negeri. Penerbitan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran memuatkan statistik utama di peringkat geografi yang lebih kecil iaitu daerah pentadbiran/ jajahan (160), mukim/ daerah kecil (1,756) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (155). Statistik Subnasional Dewan Undangan Negeri (DUN) pula diterbitkan buat pertama kalinya untuk semua 600 DUN di Malaysia. Penerbitan ini meliputi 12 statistik sosioekonomi antaranya penduduk, perumahan, tenaga buruh, pendapatan isi rumah dan kemudahan asas. Statistik subnasional bagi 222 parlimen telah diterbitkan lebih awal pada 14 Februari 2022.

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

## **Pertumbuhan dan Kepadatan Penduduk**

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2020 ialah 32.4 juta berbanding 27.5 juta pada tahun 2010. Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan dengan kadar 1.7 peratus bagi tempoh 2010 hingga 2020 berbanding 2.1 peratus pada tahun 2000 hingga 2010. Penemuan utama mengikut daerah pentadbiran merekodkan bilangan penduduk tertinggi adalah di daerah Petaling, Selangor (2.3 juta), Johor Bahru, Johor (1.7 juta) dan Ulu Langat, Selangor (1.4 juta).

## **Pihak Berkuasa Tempatan**

Di antara 17 pihak berkuasa tempatan di ibu negeri, Majlis Bandaraya (MB) Johor Bahru mencatatkan pertumbuhan penduduk tertinggi dengan kadar 5.5 peratus diikuti dengan Perbadanan Putrajaya 4.7 peratus dan MB Shah Alam 4.1 peratus. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mencatatkan bilangan penduduk tertinggi (1,982,112) diikuti oleh Majlis Perbandaran Kajang (1,047,356) dan MB Seberang Perai (946,092).

## **Statistik Subnasional DUN**

Penemuan utama menunjukkan DUN N.49 Kota Iskandar, Johor mempunyai bilangan penduduk teramai iaitu 310 ribu orang dengan jumlah tempat kediaman tertinggi sebanyak 128,007 unit di DUN tersebut. Sementara itu, DUN N.40 Kota Anggerik, di bawah parlimen Shah Alam, Selangor pula berada di kedudukan kedua tertinggi dengan mencatatkan seramai 293 ribu penduduk dengan 87,947 isi rumah dan 87,526 unit tempat kediaman.

**Ringkasan Penerbitan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran dan Penerbitan Statistik Subnasional DUN adalah seperti di Lampiran 1** dan juga boleh diakses di *Dashboard Banci Malaysia 2020* (*MyCenDash*) di Portal Banci Malaysia 2020 ([www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)). MyCenDash akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Sementara itu, portal interaktif banci yang holistik juga sedang dibangunkan ke arah penyebaran data banci yang menarik dan mesra pengguna.

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh daripada portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/pocketstatsS1\\_2022](https://bit.ly/pocketstatsS1_2022).

**MyCenDash**



**Laporan Subnasional DUN**



**Penemuan Utama Banci: Daerah**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**29 MEI 2022**

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

## **LAMPIRAN 1**

### **PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020: DAERAH PENTADBIRAN**

#### **Penduduk Malaysia**

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2020 ialah 32.4 juta berbanding 27.5 juta pada 2010. Penduduk Malaysia meningkat lebih perlahan pada kadar 1.7 peratus setahun antara 2010 dan 2020 berbanding 2.2 peratus setahun antara 2000 dan 2010.

Lima (5) daerah pentadbiran mencatatkan jumlah penduduk melebihi satu juta pada 2020 berbanding empat (4) daerah pentadbiran pada 2010. Kesemua daerah pentadbiran tersebut terletak di Lembah Klang dengan Petaling, Selangor merupakan satu-satunya daerah pentadbiran dengan jumlah penduduk melebihi dua (2) juta. Hanya dua daerah pentadbiran mencatatkan jumlah penduduk di bawah paras 10,000 iaitu Tanjung Manis, Sarawak (7,946 orang) dan Song, Sarawak (9,961 orang). Penduduk tertinggi mengikut daerah pentadbiran adalah di Petaling, Selangor (2,298,130), Johor Bahru, Johor (1,711,191) dan Ulu Langat, Selangor (1,400,461).

Penemuan di peringkat mukim/ daerah kecil mencatatkan penduduk tertinggi adalah di Mukim Hulu Kinta, Perak (673,771), Mukim Plentong, Johor (583,640) dan Mukim Pulai, Johor (505,661).

#### **Tempat Kediaman**

Tempat kediaman di Malaysia pada 2020 ialah berjumlah 9.6 juta yang merangkumi 7.7 juta didiami dan 1.9 juta (19.4%) adalah kosong. Selain daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tempat kediaman tertinggi mengikut daerah dicatatkan di Petaling, Selangor (679,812), Johor Bahru, Johor (610,314) dan Ulu Langat,

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

Selangor (431,574). Peringkat mukim/ daerah kecil mencatatkan tempat kediaman tertinggi adalah di Mukim Hulu Kinta, Perak (186,758), Mukim Plentong, Johor (159,095) dan Mukim Pulai, Johor (130,643).

Peratusan tempat kediaman kosong yang tertinggi dicatatkan di daerah pentadbiran Telang Usan, Sarawak (41.2%), Tanjung Manis, Sarawak (40.7%) dan Cameron Highlands, Pahang (40.2%). Daerah pentadbiran Lahad Datu, Sabah (3.1%), Kinabatangan, Sabah (3.5%) dan Tambunan, Sabah (4.0%) pula mencatatkan peratusan TK kosong yang terendah mengikut peringkat daerah pentadbiran.

Data awalan menunjukkan sebab utama kekosongan TK di peringkat Malaysia adalah berikutan ia baru siap/ untuk disewa atau dijual (37.8%) dan kerana ia dijadikan rumah peranginan/ persinggahan (23.3%). Lain-lain sebab kekosongan TK adalah untuk dibaiki/ ubahsuai (5.4%), *homestay* (2.3%), rumah pekerja bermusim (2.2%) dan hampir roboh (2.0%).

Peratusan kekosongan TK disebabkan baru siap/ untuk disewa atau dijual yang tertinggi di peringkat daerah pentadbiran adalah di Selangor iaitu Sepang (71.3%), Gombak (62.9%) dan Petaling (62.9%). Manakala peratusan TK kosong disebabkan ia dijadikan rumah peranginan/ persinggahan yang tertinggi di daerah negeri Sarawak iaitu Kanowit (87.0%), Pakan (76.4%) dan Tatau (69.3%).

## **Isi Rumah**

Isi rumah di Malaysia berjumlah 8.2 juta pada 2020 dengan negeri di Selangor (1.8 juta; 22.3%) mencatatkan isi rumah tertinggi. Daerah pentadbiran yang mencatatkan bilangan isi rumah tertinggi adalah di Petaling, Selangor (617.7 ribu; 33.6%), Johor Bahru, Johor (460.7 ribu; 45.3%) dan Ulu Langat, Selangor (387.6 ribu; 21.1%). Tiga mukim yang mencatatkan isi rumah tertinggi terletak di Johor iaitu Mukim Plentong (159,095), Mukim Pulai (130,643) dan Mukim Tebrau (111,865).

Purata saiz isi rumah di peringkat Malaysia ialah 3.8 dengan yang tertinggi dicatatkan di negeri Kelantan (4.8), Sabah (4.7) dan Terengganu (4.1). Isi rumah tertinggi di

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

peringkat mukim/ daerah kecil terletak di Sabah iaitu di Kunak (5.8), Semporna (5.7) serta 5.3 di Sandakan dan Nabawan. Dua (2) daripada 160 daerah pentadbiran merekodkan purata saiz isi rumah di bawah kadar 3.0 iaitu Bukit Mabong (2.8) dan Matu (2.9) yang terletak di Sarawak.

### **Nisbah Jantina**

Nisbah jantina meningkat kepada 110 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan (2010: 106). Nisbah jantina tertinggi mengikut daerah pentadbiran adalah di Bukit Mabong, Sarawak (157), Belaga, Sarawak (136) dan Cameron Highlands, Pahang (132). Ini menunjukkan lelaki mendominasi kependudukan di daerah-daerah tersebut. Nisbah jantina di bawah paras 100 menunjukkan penduduk perempuan melebihi lelaki. Terdapat 13 daerah pentadbiran yang mempunyai penduduk perempuan lebih ramai daripada lelaki.

### **Penduduk mengikut Taraf Kewarganegaraan**

Penduduk Malaysia merangkumi 91.7 peratus Warganegara yang berjumlah 29.8 juta dan 8.3 peratus Bukan Warganegara seramai 2.7 juta. Penduduk Warganegara meningkat lebih perlahan pada kadar 1.7 peratus (2010: 1.9%) setahun antara tempoh 2010 dan 2020, manakala Bukan Warganegara meningkat 1.8 peratus setahun dalam tempoh yang sama.

### **Penduduk mengikut Kumpulan Etnik**

Kumpulan etnik pada banci kali ke-enam ini telah diperincikan terutama bagi sub-etnik Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak berdasarkan senarai daripada Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah dan Majlis Adat Istiadat Sarawak.

Penduduk Bumiputera merangkumi etnik Melayu, Orang Asli, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak. Komposisi kumpulan etnik Melayu tiga (3) tertinggi terletak di daerah Setiu, Terengganu (99.5%), Pasir Puteh (98.8%) dan Bachok (98.6%). Daerah pentadbiran yang mencatatkan komposisi Bumiputera Lain yang tertinggi

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

adalah di Nabawan, Sabah (99.0%), Tambunan, Sabah (98.4%) dan Pakan, Sarawak (97.8%). Sub-etnik utama di Nabawan, Sabah ialah Murut dengan komposisi 88.8 peratus, manakala majoriti penduduk di Tambunan adalah dari sub-etnik Kadazan Dusun (97.6%) dan Pakan dari sub-etnik Iban (96.8%). Komposisi etnik Cina adalah tertinggi di daerah pentadbiran Timur Laut, Pulau Pinang (64.5%), Kampar, Perak (49.3%) dan Sibu, Sarawak (48.7%). Komposisi etnik India adalah tertinggi di daerah pentadbiran Bagan Datuk, Perak (23.5%), Klang, Selangor (19.1%) dan Port Dickson, Negeri Sembilan (18.7%).

Etnik terbesar bagi Bumiputera Sabah terdiri daripada Kadazan/ Dusun mencatatkan bilangan penduduk tertinggi berjumlah 698.3 ribu, diikuti oleh Bajau (592.4 ribu orang) dan Murut (112.9 ribu orang). Bilangan penduduk mengikut etnik Bumiputera Sarawak yang tertinggi ialah Iban (753.5 ribu orang), Bidayuh (215.7 ribu orang) dan Melanau (142.4 ribu orang).

### **Penduduk mengikut Kumpulan Umur**

Penduduk umur bekerja (15-64 tahun) merupakan kumpulan terbesar dengan komposisi 69.3 peratus dan seramai 22.5 juta orang. Manakala 7.8 juta penduduk dalam kumpulan umur 0-14 tahun (umur muda) menyumbang 24.0 peratus dan 2.2 juta orang dalam kumpulan umur 65 tahun dan lebih (umur tua) menyumbang 6.8 peratus.

Komposisi penduduk umur muda (0-14 tahun) tertinggi mengikut daerah/ jajahan dicatatkan di Kecil Lojing, Kelantan (38.2%), diikuti W.P. Putrajaya (38.0%) dan Gua Musang, Kelantan (36.1%). Kinabatangan, Sabah mencatatkan komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) tertinggi iaitu 78.8 peratus, diikuti dua daerah di Sarawak iaitu Sebauh (78.7%) dan Belaga (76.6%). Dari segi komposisi penduduk kumpulan umur tua (65 tahun dan lebih), tiga daerah di Sarawak mencatatkan komposisi tertinggi iaitu Lubok Antu (13.5%), Song (12.4%) dan Sri Aman (11.9%).

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

## **Penduduk mengikut Agama**

Penganut agama Islam pada 2020 berjumlah 20.6 juta, Kristian 2.9 juta, Buddha 6.1 juta, Hindu 2.0 juta dan Lain-lain 860 ribu. Penganut agama Islam tertinggi mengikut daerah pentadbiran ialah di Petaling, Selangor (1.2 juta), diikuti W.P. Kuala Lumpur (0.9 juta), Ulu Langat, Selangor (0.89 juta). Manakala penganut agama Buddha tertinggi adalah di W.P. Kuala Lumpur (0.64 juta), Petaling (0.63 juta) dan Johor Bahru (0.57 juta). Penganut Hindu tertinggi berada di daerah pentadbiran Petaling (0.22 juta), Klang (0.18 juta) dan W.P. Kuala Lumpur (0.16 juta). Penganut Kristian tertinggi di daerah pentadbiran Kuching (0.2 juta), Petaling (0.18 juta) dan Sibu (0.15 juta).

## **Penduduk mengikut Status Perkahwinan**

Status perkahwinan menunjukkan penduduk yang Belum Pernah Berkahwin adalah seramai 8.4 juta atau 34.0 peratus daripada 24.7 juta penduduk berumur 15 tahun dan ke atas. Penduduk Berkahwin seramai 13.7 juta (55.5%), Balu/ Duda seramai 946.2 ribu (3.8%) dan Bercerai/ Berpisah seramai 393.4 ribu (1.6%).

Penduduk Tidak Pernah Berkahwin mengikut daerah pentadbiran tertinggi dicatatkan di Petaling, Selangor (569 ribu), W.P. Kuala Lumpur (467 ribu) dan Johor Bahru (429 ribu). Penduduk Berkahwin mengikut daerah pentadbiran tertinggi dicatatkan di Petaling, Selangor (1 juta), W.P. Kuala Lumpur (891 ribu) dan Johor Bahru (776 ribu). Balu/ duda yang tertinggi berada di daerah pentadbiran W.P. Kuala Lumpur (46 ribu), Kinta, Perak (38 ribu), Johor Bahru (32 ribu). Penduduk yang berstatus Bercerai/ berpisah paling ramai di Petaling, Selangor (32 ribu), W.P. Kuala Lumpur (25 ribu) dan Johor Bahru (24 ribu).

## **Kepadatan Penduduk**

Secara purata, Malaysia mempunyai kepadatan penduduk 98 orang per kilometer persegi pada 2020 berbanding 83 orang per kilometer persegi pada 2010. W.P. Kuala

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

Lumpur mempunyai kepadatan penduduk tertinggi dengan 8,157 orang per kilometer persegi, diikuti Petaling (4,719 orang) dan Timur Laut (4,403 orang).

## **Perbandaran**

Daerah pentadbiran yang mencatatkan 100 peratus bandar adalah W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Melaka Tengah, Putatan, Timur Laut dan Petaling. Banci Malaysia 2020 merekodkan 45 daripada 160 daerah pentadbiran berstatus 100 peratus luar bandar.

## **Perincian Kenyataan Media Bagi Statistik Pihak Berkuasa Tempatan**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Kajang merupakan dua kawasan PBT yang mempunyai penduduk melebihi satu juta. Di antara 17 pihak berkuasa tempatan di ibu negeri, Majlis Bandaraya (MB) Johor Bahru mencatatkan pertumbuhan penduduk tertinggi dengan kadar 5.5 peratus diikuti dengan Perbadanan Putrajaya 4.7 peratus dan MB Shah Alam 4.1 peratus.

Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran juga menunjukkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mencatatkan bilangan penduduk tertinggi (1,982,112) diikuti oleh Majlis Perbandaran (MP) Kajang (1,047,356) dan MB Seberang Perai (946,092).

Jumlah penduduk bagi Dewan/ Majlis Bandaraya adalah 12,296,301 juta (38%) berbanding 6,017,926 (22%) pada tahun 2010. Kadar pertumbuhan penduduk bagi Dewan/ Majlis Bandaraya adalah 7.2 peratus. Pertumbuhan yang pesat ini sejajar dengan pertumbuhan kadar perbandaran negara yang mencapai 75.1 peratus pada tahun 2020 berbanding 70.9 peratus pada 2010.

Berdasarkan kepada maklumat daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), kriteria penduduk bagi kategori Dewan/ Majlis Bandaraya adalah sebanyak 500,000, manakala 150,000 bagi Majlis Perbandaran. Berdasarkan kepada

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

penemuan Banci Malaysia 2020, terdapat 17 PBT di ibu negeri yang mempunyai penduduk melebihi 500,000. Terdapat lima PBT yang mempunyai penduduk melebihi *threshold* bagi Majlis Bandaraya iaitu MP Kajang, MP Klang, MP Selayang, MP Sungai Petani dan MP Ampang Jaya.

Selain itu, sebanyak 13 Majlis Daerah (MD) telah melebihi 150,000 *threshold* Majlis Perbandaran. Majlis Daerah yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi adalah MD Pasir Mas (230,424), MD Lahad Datu (229,138) dan MD Tumpat (179,944).

Purata saiz isi rumah persendirian di Malaysia menurun daripada 4.2 kepada 3.8 orang bagi tempoh satu dekad. Penemuan Banci Malaysia 2020 menunjukkan 95 (61%) pihak berkuasa tempatan merekodkan purata saiz isi rumah melebihi purata nasional. Terdapat tiga pihak berkuasa tempatan di Kelantan dan enam di Sabah mencatatkan purata saiz isi rumah melebihi lima orang.

### **Perincian Kenyataan Media Bagi Statistik Subnasional Dewan Undangan Negeri**

**Statistik Subnasional DUN** diterbitkan buat julung kali bagi kesemua 600 DUN di Malaysia. Penerbitan ini meliputi 12 statistik sosioekonomi yang terdiri daripada indikator maklumat asas; penduduk; perumahan; guna tenaga; pendapatan isi rumah; pendidikan; kesihatan; kemiskinan; keselamatan awam; internet & media sosial, kemudahan asas dan bilangan pertubuhan dan syarikat perniagaan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata “Ketersediaan statistik hingga peringkat kawasan terkecil seperti Parlimen dan DUN ini dapat dimanfaatkan sebagai input penting oleh pelbagai pihak terutamanya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dalam menambah baik tadbir urus kawasan dan menyediakan keperluan sosioekonomi secara lebih bersasar untuk kesejahteraan rakyat tempatan”.

Statistik Subnasional ini diterbitkan bertujuan untuk menyediakan statistik terperinci di peringkat DUN kepada pihak pemegang taruh.

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**

Penemuan utama **Statistik Subnasional DUN** menunjukkan DUN N.49 Kota Iskandar, Johor mempunyai bilangan penduduk teramai iaitu 310 ribu orang dengan jumlah tempat kediaman tertinggi sebanyak 128,007 unit di DUN tersebut. Sementara itu DUN N.40 Kota Anggerik, di bawah parlimen Shah Alam, Selangor pula berada dikedudukan kedua tertinggi dengan mencatatkan seramai 293 ribu penduduk dengan 87,947 isi rumah dan 87,526 unit tempat kediaman.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, Pulau Pinang dan Selangor mencatatkan tiga DUN dengan kepadatan penduduk paling tinggi iaitu 21,083 penduduk bagi setiap kilometer persegi di DUN N.27 Pengkalan Kota, Pulau Pinang, diikuti N.21 Pandan Indah, Selangor seramai 14,595 penduduk bagi setiap kilometer persegi dan N.30 Sungai Pinang, Pulau Pinang mencatatkan 13,866 penduduk per kilometer persegi.

"DUN N.64 Baleh dan N.65 Belaga di Parlimen Hulu Rajang Sarawak mempunyai keluasan kawasan yang tertinggi iaitu masing-masing seluas 11,607 kilometer persegi dan 11,579 kilometer persegi. Jumlah penduduk bagi kedua-dua DUN ini masing-masing ialah 9,384 dan 13,076 orang", katanya.

Negeri Selangor mencatatkan penduduk dengan penengah pendapatan yang tertinggi bagi tiga DUN iaitu N.36 Bandar Utama (RM 12,533), N.40 Kota Anggerik (RM12,195) dan N.34 Bukit Gasing (RM 11,300) seperti yang dilaporkan hari ini dalam **Statistik Sub Nasional DUN**.

Beralih kepada fasiliti dan kemudahan asas, Ketua Perangkawan memaklumkan, bersesuaian dengan jumlah penduduk tertinggi di N.49 Kota Iskandar, Johor, DUN tersebut menyediakan kemudahan bagi keselamatan awam yang tinggi seperti 7 balai polis dan 1 balai bomba. Sebanyak 482 DUN mempunyai sekurang-kurangnya satu balai polis manakala baki 118 DUN tidak mempunyai balai polis.

DUN N.46 Perlis, Johor, N.40 Kota Anggerik dan N.36 Bandar Utama di Selangor mencatatkan bilangan stesen minyak yang tertinggi iaitu masing-masing 60, 54 dan 45 buah. Sementara itu, bagi fasiliti kedai dobi yang tertinggi direkodkan berada di

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam **1100, Ahad, 29 Mei 2022**


Selangor iaitu masing-masing di N.32 Seri Setia (116), N.40 Kota Anggerik (79) dan N.36 Bandar Utama (50). Manakala DUN di Sabah dan Sarawak mencatatkan bilangan kedai runcit yang tertinggi iaitu di N.63 Kunak, Sabah sebanyak 364 buah, N.19 Mambong, Sarawak sebanyak 338 buah dan N.17 Darau, Sabah 303 buah.

DUN N.76 Marudi, Sarawak mencatatkan bilangan sekolah tertinggi iaitu sebanyak 70 buah dengan 62 daripadanya adalah sekolah rendah dan baki 8 adalah sekolah menengah. Ini diikuti DUN N.47 Chenderiang yang mempunyai 48 buah sekolah, 38 sekolah rendah dan 10 sekolah menengah. DUN N.49 Kota Iskandar, Johor pula mempunyai 45 buah sekolah dengan 34 sekolah rendah dan 11 sekolah menengah.

Merumuskan kenyataan beliau pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, DOSM sebagai pembekal statistik rasmi negara komited dalam memenuhi aspirasi merakyatkan statistik dan pembuatan keputusan berdasarkan bukti. Justeru penerbitan Statistik Sub Nasional DUN ini dikeluarkan bagi membantu kerajaan untuk menggubal dasar ekonomi negara seiring dengan hasrat Jabatan dalam merakyatkan statistik yang lengkap dan mudah difahami.

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam 1100, Ahad, 29 Mei 2022

## Paparan 1: Infografik Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran



**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam 1100, Ahad, 29 Mei 2022

## Paparan 2: Infografik Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran - Pihak Berkuasa Tempatan

 <b>JABATAN PERDAWA MENTERI</b> <b>JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA</b>				<b>StatsMalaysia</b> <a href="http://www.dosm.gov.my">www.dosm.gov.my</a>	
<b>STATISTIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN 3 TERTINGGI DAN TERENDAH : MALAYSIA</b>					
 <b>JUMLAH PENDUDUK TERTINGGI, 2020</b>			 <b>JUMLAH PENDUDUK TERENDAH, 2020</b>		
D.B. Kuala Lumpur                                    1,982,112 M.P. Kajang    1,047,356 M.B. Seberang Perai                                946,092			Lembaga Pembangunan Tioman                    2,705 M.D. Lenggong                                        16,277 M.D. Pengkalan Hulu                                17,644		
 <b>PURATA SAIZ ISI RUMAH PERSENDIRIAN TERTINGGI, 2020</b>			 <b>PURATA SAIZ ISI RUMAH PERSENDIRIAN TERENDAH, 2020</b>		
M.D. Kunak    5.8 M.D. Semporna                                        5.7 M.D. Nabawan                                        5.3			M.B. Pulau Pinang                                3.1 M.P. Sepang    3.1 M.D. Matu dan Daro                                3.3		
 <b>JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN TERTINGGI, 2020</b>			 <b>JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN TERENDAH, 2020</b>		
D.B. Kuala Lumpur                                    634,639 M.P. Kajang    315,642 M.B. Johor Bahru                                    313,707			Lembaga Pembangunan Tioman                    1,118 P.B.T. Taman Perindustrian Hi-Tech            4,932 Kulim M.D. Lenggong                                        5,688		
 <b>JUMLAH ISI RUMAH TERTINGGI, 2020</b>			 <b>JUMLAH ISI RUMAH TERENDAH, 2020</b>		
D.B. Kuala Lumpur                                    573,529 M.P. Kajang    280,894 M.B. Seberang Perai                                247,949			Lembaga Pembangunan Tioman                    767 P.B.T. Taman Perindustrian Hi-Tech            4,172 Kulim M.D. Pengkalan Hulu                                4,589		
 <b>NISBAH JANTINA TERTINGGI, 2020</b>			 <b>NISBAH JANTINA TERENDAH, 2020</b>		
Lembaga Pembangunan Tioman M.D. Cameron Highlands M.P. Bentong			133      M.D. Tanjung Malim                        87 132      M.D. Bachok                                    94 131      M.P. Kota Samarahan                        96		

**Embargo:** Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai jam 1100, Ahad, 29 Mei 2022

### Paparan 3: Infografik Statistik Subnasional DUN

